

42

NO SOALAN : 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,

PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
(SUNGAI PETANI)**

**TARIKH : 20.03.18
(SELASA)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapakah jumlah pegawai dan anggota tentera yang diberhentikan perkhidmatan akibat tahap kesihatan mereka tidak memuaskan terutama tahap obesiti. Apakah kaedah yang diperkenalkan kepada pegawai dan anggota tentera agar mereka sentiasa dilihat kemas, cergas dan berketerampilan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah keseluruhan pemberhentian anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi tempoh 5 tahun (2012 hingga 2017) yang diberhentikan di bawah Peraturan 61(1)(g) iaitu pemberhentian atas keadaan kesihatan askar laskar itu yang tidak mencapai tahap piawaian perubatan yang ditetapkan adalah seramai 4,336 anggota yang melibatkan seramai 411 pegawai dan 3,925 anggota lain-lain pangkat.

Namun begitu, pemberhentian ini tidak melibatkan permasalahan obesiti kerana ianya bersifat sementara dan boleh dikawal. ATM telah mengambil langkah pencegahan menerusi pelbagai program seperti pengawalan berat badan unggul dan pelaksanaan sekatan yang berkaitan dengan pelanjutan perkhidmatan, kenaikan pangkat dan latihan bagi peningkatan kerjaya.